

TARIKH	14 / 11 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	88	RUANGAN	Bisnes

## Takaful Malaysia sasar 30 peratus jumlah pelanggan

**Syarikat** Takaful Malaysia Bhd menyasar meningkatkan bilangan pelanggannya antara 20 hingga 30 peratus tahun depan menerusi kempen iklan 'Raih Ganjaran Pulangan Tunai 15 Peratus bagi Tanpa Tuntutan'.

Syarikat insurans itu kini memiliki 1.2 juta pelanggan. Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Mohamed Hassan Kamil, berkata syarikat itu yakin dapat mencapai sasarananya kerana ia adalah pengendali Takaful tunggal menawarkan pelanggannya skim pulangan tunai 15 peratus jika tiada tuntutan semasa tempoh liputan setahun.

"Penguasaan pasaran kami tahun ini adalah antara 30 hingga 40 peratus manakala setakat ini, kutipan premium kasar kami mencecah RM1.3 bilion.

"Kami percaya kempen ini akan menarik lebih ramai pelanggan untuk meletakkan kepercayaan kepada kami dan menyertai kami," katanya kepada media selepas melancarkan kempen itu di Kuala Lumpur, semalam.

Takaful Malaysia bekerjasama dengan Tesco Stores Malaysia, yang akan memperkenalkan iklan di 14 cawangannya.

"Tesco mempunyai pasaran yang kukuh dan diyakini oleh pengguna tempatan, dan kami percaya kempen ini akan meningkatkan lagi kehadiran jenama kami dalam kalangan pelanggan dan kelak akan menjadi pilihan utama bagi insurans," katanya. **BERNAMA**